



Headline : Konsortium Salcon, KSSE dipilih jadi pengeluar solar CGPP
News Source : Berita Harian,
<https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2023/08/1138832/konsortium-salcon-ksse-dipilih-jadi-pengeluar-solar-cgpp>
Date : 11 August 2023

Konsortium Salcon, KSSE dipilih jadi pengeluar solar CGPP

Oleh Mahanum Abdul Aziz - Ogos 11, 2023 @ 3:38pm

mahanum_aziz@bh.com.my



Kinergy Advancement Bhd (KAB)

KUALA LUMPUR: Kinergy Advancement Bhd (KAB), penyedia penyelesaian tenaga dan kejuruteraan sehenti terkemuka mengumumkan konsortium Salcon Bhd dan KAB Smart Solar Energy Sdn Bhd (KSSE) dipilih sebagai salah satu pengeluar tenaga solar di bawah Program Tenaga Hijau Korporat (CGPP).

Konsortium itu, mewakili salah satu daripada 71 permohonan setakat ini dianugerahkan pengeluar tenaga solar di bawah CGPP, dengan peruntukan kapasiti eksport sebanyak tujuh megawatt arus ulang alik (MWac).

Pada masa ini, 563.42 MWac diberikan kepada 22 pemohon, sementara baki 236.58 MWac masih belum diberikan.

Timbalan Pengerusi Eksekutif merangkap Pengarah Urusan Kumpulan KAB, Datuk Lai Keng Onn, berkata pihaknya berbangga menjadi salah satu daripada 22 entiti yang akan dipilih sebagai pengeluar tenaga solar di bawah CGPP.



Beliau berkata, ia adalah bukti kekuatan portfolio fotovoltaik solar syarikatnya selaras dengan strategi pertumbuhan segmen penyelesaian tenaga lestarinya (SES).

"Dengan kedudukan kami dalam industri tenaga lestari, kami percaya terdapat banyak peluang menuju ke depan dalam industri tenaga suria yang mana kami akan memanfaatkan pengalaman kami dan rekod prestasi terbukti dalam segmen SES.

"Kami percaya bahawa hala tuju perniagaan ini akan menyumbang kepada matlamat kami untuk mempercepatkan pertumbuhan segmen SES kami dan meningkatkan lagi profil pendapatan jangka panjang kami," katanya dalam satu kenyataan.

Dalam konsortium itu, KSSE mempunyai hak penolakan pertama untuk perkhidmatan kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan pentaulahan (EPCC) dan/atau operasi dan penyelenggaraan (O&M) memandangkan pengalaman dan kehebatannya dalam industri tenaga suria, yang diperkuuh lagi oleh kepakaran luas KAB dan kejayaan dalam segmen SES.